

RATIB AL-ATTAS MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN DAN HADIS

Mohd Azman Mohsin, Md Hamzaimi Azrol Md Baharudin, Nasri Abdullah, Siti Salwa Md. Sawari, Othman Napihah, Sulaiman Shakib Mohd. Noor, Kamarul Azmi Jasmi

Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

Suggested Citation:

Mohsin, M. A., Md Baharudin, M. H. A., Abdullah, N., Md. Sawari, S. S., Napihah, O., Mohd. Noor, S. S. & Jasmi, K. A. (2016). Ratib Al-Attas Menurut Perspektif al-Quran dan Hadis. *Sains Humanika*. 8(3-2) (2016) 101-107, eISSN: 2289– 6996.

SINOPSIS

This article aims to evaluate the source of 17 dhikr in Ratib al-Attas based on Quran, Hadith and scholar views on the meaning and purpose of dhikr. Applications Ratib al-Attas ceremony was conducted over 90 years ago in the state of Johor. In addition, the application Ratib al-Attas assessment and justification is given from the perspective of Islamic practices. The method used is by clarifying the position of remembrance 17 Ratib al-Attas more reliable by practitioners; avoid confusion and misunderstanding of the doctrine of Ratib al-Attas. The results showed that all 17 dhikr Ratib al-Attas and the practice carried out are consistent with the arguments of al-Quran and Hadith. Based on this finding several suggestions is made to encourage the expend development of dhikr al-Attas Ratib practice among the Muslim community in Malaysia.

REFERENCES

- Abdul Rahman, Subki, Myiddin, Rifqi. (2011). *Amalan Sunnah Selepas Solat & Kelebihannya*. Telaga Biru Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Abu Dawud, Sulaiman. (2009). *Sunan Abi Dawud . al-Arna'ut Shu'aib & Muhammad Kamil Qurrah Balali*. 1-7. Dar al-Risalah al-'Alamiyyah, Beirut.
- Ahmad, Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid. Mu'assah al-Risalah, Al-Qahirah*.
- Al-A'as, Al-abib Syed Muhammad. (2014). *Amalan Ratib Al-A'as di Huraidah, Hadramaut, Yaman*. In Mohd. Azman Mohsin (Ed.), *Doktor Falsafah*, 1-2. UTM, Skudai, Fakulti Tamadun Islam, Johor.
- Al-A'as, H. Abdullah Alwi Hassan. (1968). *Sab' al-Mu'ad'n F' Zikr' Adiyah al-As'ab al-Yam'n*. Kaherah.
- Al-A'as, H. Ali Hasan. (2007). *Al-Qirt's, Šharah R'tib 'A'as*. t.c: t.p.
- Al-A'as, H. Ali Hasan (t.t). *Majmuk Mu'alaf't*. Maktabah Ma'ruf, Jakarta, Indonesia.
- Al-A'as, H. Hasan (1996). *Umar bin Abd. Rahman, Kisah Dan Sejarah al-Qutub al-Anfas al-Habib Umar bin Abd Rahman Al-Attas*. Masjid Ba'Alawi, Singapura.
- Al-A'as, H. Hasan (2010). *Kelebihan Ratib*. Masjid Ba'Alawi, Singapura.
- Al-A'as, H. Hasan (2012). *The Spread Of Islam And The Role Of The Sufis*. Masjid Ba'Alawi, Singapura.
- Al-A'as, H. Hasan (1997). *Kelebihan Ratib, huraian Ratib al-Habib Umar bin Abdul Rahman 'A'as*. Masjid Ba'Alawi, Singapura.
- Al-A'as, H. Hasan Abdullah (t.th.). *Tazk'run N's*. Dar Ihya al Kutub al-Arabiyah Isa al-Babi al-Halabi wa Syarikat, Kaherah, Mesir
- Al-A'as, H. Muhammad (2012). *'Aziz al-Man' Wa Fathu B'b al-Wis' Pembuka Jalan Mendekatkan diri Kepada Allah*. Percetakan Nasional Bhd., Kuching, Sarawak.
- Al-A'as, S. Abdullah (t.th.). *Al-Ilmu al-Nabr's F' al-Tanbih Al' Manhaj al-Akyas T.P., T.T.P.*
- Al-A'as, S. Muhammad Naqib (1999). *The Rare Gift And The Key To Opening The Door Of Union*. Masjid Ba'Alawi, Singapura.
- Al-A'as, S. Muhammad Naqib Ali. (1977). *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kuala Lumpur.
- Al-A'as, S. Muhammad Naqib Ali. (2007). *The Rare Gift And The Key To Opening The Door Of Union*. The Mosque BaAlawi, Singapore.
- Al-A'as, S. Mustafa. (2008). *Al-Tar'kah 'A'asyah al- 'Alaw'yah*. t.c, t.p.
- Al-A'as, Syed Ali. (2013). *Amalan dan Doktrin Ratib Al-A'as di Masjid Habib Hasan, Johor Bahru*. In Mohd. Azman Mohsin (Ed.), *Doktor Falsafah*, 1-2. Fakulti Tamadun Islam, UTM Skudai, Johor.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (1994). *Sahih al-Bukhari . 'Abd al-Aziz 'Abdullah*, 1-5. Dar al-Fikr, Beirut.
- Al-Darimi, Abu Muhammad Abdullah. (2000). *Sunan al-Darimi. Hussain Salim Asad Al-Darani*, 1-4. Dar al-Mugni li al-Nasr wa al-Tawzi', Al-Mamlakat al-'Arabiyah al-Sa'udiyah.
- Al-Ghazali, Al-Imam Muhammad. (2011). *Ihya' 'Ul'm al-D'n*, 1-8. Victory Ajensi, Kuala Lumpur.
- Al-absh', 'A'dr's (1999). *'Akdu al-Yaw'k't al-Jauhar'yah W' Sumtu al-Ain al-Zahab'yah*. Maktabah Pustaka Nasional, Singapura.
- Al-absh', H. Ahmad (2007). *Šharah al-'Ainiyah*. Dar al-Minhaj, Surabaya, Indonesia.
- Al-absh', Habib Hamid. (2013). *Amalan Ratib Al-A'as di Pasentren Palembang, Indonesia*. In Mohd. Azman Mohsin (Ed.), *Doktor Falsafah*, 1-2. Fakulti Tamadun Islam, UTM, Skudai, Johor.

- Al-Addad, al-Abd Syed Abu Bakar. (2013). Amalan Ratib Al-Awwal dan Asmaullah al-Husna di MHH Johor Bahru. In Mohd. Azman Mohsin (Ed.), Doktor Falsafah, 1-10. Fakulti Tamadun Islam, UTM, Skudai, Johor.
- Al-Addad, H. Alwi (2005). *Sharah Ratib Al-Addad*. Maqam al-Imam al-Haddad, Tarim, Hadramaut, Yaman.
- Al-Addad, H. Alwi Tahir. (1991). *Ukud al-Masabih Manakib al-Imam al-Abib Ahmad bin Hasan bin Abdullah Al-Awwal*. Cetakan Kerjaya, Singapura.
- Al-Jailani, Sheikh Abdul Qadir (2011). *Al-hyuniah li Tlibi Tirik al-Ak Azawajall*. Darul al-Taufiqiah Li Turath, Kaherah, Mesir.
- Al-Jufri, Abdul Latif, Ibnu Mohsin al-Muari. (2013). Pendekatan Dakwah Wali 9. Majlis Agama Islam Johor, Johor Bahru.
- Al-Khalid, Sidek, Jahid (1994). Shaikh dalam Ilmu Tariqah. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Al-Kurd, Muhammad Amin. (2004). *Tanwir al-Qulub Fi Muamalah Allam al-Ghuyub*. Dar al-Fikr, Beirut, Lubnan.
- Al-Makk, Sheikh Abi Talib (2010). *Qut al-Qulub F Muamalah al-Mahabb*. Darul Sodik, Beirut.
- Al-Merbaw, Mohamad, Abdul Manam (2001). Tarekat Naqshabandiah Dan Sejarah Kemasukannya Ke Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Kuala Lumpur.
- Al-Muar, Ibnu Mohsin (2009). *Ratib Al-Awwal dan Asmaul Husna : Amalan Menuju Kebahagiaan (Zikir Pagi Dan Solat Sunat Dhuh)*. Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.
- Al-Muar, Mohsin Mohd. Azman (2015). *Ratib al-Awwal dan Asmaullah al-Husna, Jalan Petunjuk Dan Kebijaksanaan*. Rimbunan Ilmu Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Al-Muar, Mohsin, Mohd. Azman (2006). *Ratib al-Awwal dan Asmaul Husna : Menuju Husnul Khatimah*. Al Hidayah Publisher, Kuala Lumpur.
- Al-Nasa'i, Ahmad. (2001). *Al-Sunan al-Kubra .Hasan 'Abd al-Man'am Shilbi, 1-10. Mu'assasah al-Risalah, Beirut.*
- Al-Palemban, Sheikh Abdul Samad (2002). *Sairu al-Salikin : Jalan Para Salik untuk mengabdikan diri kepada Tuhan Rabbul Alamin*. 381. Tahqiq Syed Ahmad Semait. Pustaka Nasional, Singapura.
- Al-Qušairi, Imam Abdul Karim. (2011). *Risalah al-Qušairiah*. Jakarta, Dar al-Kutub al-Islamiyah, Indonesia.
- Al-Sarraj, Abu Nashr. (2002). *al-Luma' Rujukan Lengkap Ilmu Tasawuf*. Surabaya, Jawa Timur, Risalah Gusti, Indonesia.
- Al-Sarraj, Muhammad Ishaq. (2004). *Hadith al-Sarraj*. Abu 'Abdullah Hussayn bin 'Aqashah bin Ramadan. Al-Faruq al-Hadithah li al-Tiba'ah wa al-Nasr, T.T.P.
- Al-Šaukan, Imam Muhammad bin Ali (1988). *Tuḥfah al-Zākirin*. Muasasah al-Kutub al-Thaqafiyah, Beirut, Lubnan.
- Al-Šuhraward, Umar (2009). *Awḥrif al-Maḥrif*. Dar al-Mukatam, Kaherah, Mesir.
- Al-Šibl, Muhammad. (1982). *Al-Masr al-Rawf Manqib al-Sadah al-Kiram Aali Abi Alaw* (t.c).
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1993). *Al-Dua' li al-Tabrani*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.
- Al-Tirmidhi, Muhammad. (1998). *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashir 'Awad Ma'ruf. 1-6. Dar al-Girb al-Islami, Beirut.
- Al-Yafae, Abdullah (2003). *Al-Irshad Wa al-Tariz F Fadli Zikrullah Wa Tilwah Kitab al-Aziz*. Darul Kutub al-Ilmiyah, Beirut, Lubnan.
- Azra, Azyumardi (2008). *Ensiklopedi Tasawuf*. Penerbit Angkasa Bandung, Bandung, Indonesia.
- Bin Sheikh Abu Bakar, al-Abd Umar Hafidz (2014). *Taujih al-Nabiyah Li Mar'a al-Bariyah*. Dar al-Faqir, Tarim, Hadramaut, Yaman.
- Daud, Al-Imam Abu. (2001). *Aunul Ma'bud šyrah sunan Abi Daud*. Darul Hadis, Kaherah, Mesir.
- Fauzi, Nurul Wahidah (2012). *Ulama Arab Hadrami Dalam Pentadbiran Dan Pendidikan Islam Di Johor: Analisis Terhadap Sumbangan Syed Abdul Qadir bin Muhsin al-Attas dan Syed Alwi bin Tahir al-Haddad*. Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Fauzi, Nurulwahidah, Ladjal, Tarek, Denisova, Tatiana A, Nor, Mohd Roslan Mohd, & Zin, Aizan Ali Mat. (2013). *Tareqat Alawiyah as an Islamic Ritual Within Hadhrami's Arab in Johor*. Middle-East Journal of Scientific Research, 14(12), 1708-1715.
- Ibn al-Sunni, Ahmad. (1987). *Amal al-Yawm wa al-Laylah Suluk al-Nabi ma'a Rabbihi 'Azz wa Jalla wa Mu'asharatihi ma'a al-'Ibad*. Damsyiq: Dar al-Fayha'.
- Ibn Bushran, 'Abd al-Malik Muhammad. (1997). *Amali Ibn Bushran*. Abu 'Abd al-Rahman 'Adil bin Yusuf al-'Azazi. Dar al-Watan, Al-Riyad.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah (Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali & 'Abd al-Latif Hirzullah. 1-5. Dar al-Risalah al-'Alamiyyah, Beirut.*
- Mamat, Akila (2010). *Amalan Ratib al-Haddad di Daerah Kuala Terengganu*. Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Mohamed, Abdul Qadir, & Ibrahim, Jaafar (2012). *Amalan Ratib al-Awwal di Brunei Darul Salam*. In Mohd. Azman Mohsin (Ed.), Doktor Falsafah, 1-2. Fakulti Tamadun Islam, Skudai, Johor.
- Mohd. Noor, Sulaiman Sakib (2011). *Model Khidmat Nasihat Keluarga Islam Institusi Masjid*. Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Skudai, Johor
- Mokti, Kiyai Muhammad Muhtar. (2012). *Sejarah Penyusunan Doa Kautsaran*. Jombang, Jawa Timur, Al-Ikhwan 1, Indonesia.
- Muhammad, Yusuf. (2013). *Al-Mauḥḥ al-Yusufiah Fi Bayan Adilah al-Sufiah*. Maktabah Tarim al-Hadithiah, Tarim, Hadramaut, Yaman.
- Muslim, Abu al-Husayn. (2001). *Sahih Muslim, 1-2. Al-Maktabah al-Asriyyah, Beirut.*
- Muslim, Abu al-Husayn. (t.th.). *Sahih Muslim, 1-8. Dar al-Fikr, Beirut.*
- Napiah, Othman (2002). *Al-Rabitah Dalam Ilmu Tasawuf*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Syed Omar, Syed Hadzrulattfi. (2010). *Dhikr Ism al-Zat Dalam Tasawuf Dan Pengamalannya Dalam Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyyah Di Malaysia*. Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ratib al-Attas Menurut Perspektif al-Quran dan Hadis

Mohd Azman Mohsin, Md Hamzaimi Azrol Md Baharudin *, Nasri Abdullah, Siti Salwa Md. Sawari, Othman Napiah, Sulaiman Shakib Mohd. Noor, Kamarul Azmi Jasmi

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: azrol1231@gmail.com

Abstract

This article aims to evaluate the source of 17 dhikr in Ratib al-Attas based on Quran, Hadith and scholar views on the meaning and purpose of dhikr. Applications Ratib al-Attas ceremony was conducted over 90 years ago in the state of Johor. In addition, the application Ratib al-Attas assessment and justification is given from the perspective of Islamic practices. The method used is by clarifying the position of remembrance 17 Ratib al-Attas more reliable by practitioners; avoid confusion and misunderstanding of the doctrine of Ratib al-Attas. The results showed that all 17 dhikr Ratib al-Attas and the practice carried out are consistent with the arguments of al-Quran and Hadith. Based on this finding several suggestions is made to encourage the expend development of dhikr al-Attas Ratib practice among the Muslim community in Malaysia.

Keywords: Remembrance; Ratib al-Attas; Quran and Hadith

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk membuat penilaian terhadap sumber zikir 17 dalam Ratib al-Attas berdasarkan sumber al-Quran, hadis dan pandangan ulama terhadap maksud dan tujuan zikir tersebut. Aplikasi majlis Ratib al-Attas ini telah dijalankan lebih 90 tahun dahulu di Negeri Johor. Selain itu, kaedah aplikasi Ratib al-Attas ini diberikan penilaian dan justifikasi dari perspektif amalan Islam. Kaedah kajian yang digunakan ialah dengan menjelaskan kedudukan zikir 17 Ratib al-Attas untuk lebih diyakini oleh para pengamal dan menghindarkan kekeliruan dan salah faham terhadap doktrin Ratib al-Attas. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua 17 zikir Ratib al-Attas dan bentuk pengamalan yang dijalankan adalah sangat bertepatan dengan dalil-dalil al-Quran dan Hadis. Berdasarkan dapatan ini beberapa cadangan dikemukakan bagi menggalakkan pengamalan zikir Ratib al-Attas ini untuk dikembang luaskan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

Kata Kunci: Zikir; Ratib al-Attas; al-Quran dan Hadis

© 2016 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Ilmu tasawuf adalah satu cabang dan disiplin ilmu dalam Islam. Ia memiliki banyak nama atau gelaran seperti ilmu hati (ilmu *qalb* atau *wijdan*), ilmu batin, ilmu terus dari Allah (*laduni*), ilmu rahsia (*asrar*), ilmu hakikat, ilmu rasa rohani (*zauqi*), ilmu ihsan, ilmu *al-Tazkiyah*, *al-Suluk*, *al-Kasyaf* dan ilmu ikhlas. (Mahmod Saedon, 1987; Abdul Fatah Haron, 2006; Zulkifli al-Bakri, 2009). Menurut Sayid Sabiq, tasawuf adalah berlian Islam, manakala menurut Prof. Dr. Hamka, tasawuf merupakan wujud praktik dari rukun Ihsan. Tahap ke tiga dalam disiplin dasar agama iaitu Ihsan selepas Islam, Iman. Menepati maqam ihsan sebagaimana hadis yang ke 2 daripada susunan al-Imam an-Nawawi r.a (Abdul Hafiz Faraghi, 2002).

Doktrin ilmu tasawuf, tarekat, prinsip dan pengamalannya telah wujud sejak zaman Baginda Rasulullah s.a.w, para sahabat, tabien dan salafus soleh, walaupun istilah tasawuf tersebut belum dikenali dan digunakan secara khusus. Ini bersesuaian dengan penggunaan perkataan tarekat atau *tarek* yang terdapat di dalam al-Quran dengan makna "jalan" atau "*sabil*" atau "*sirat*" (Jahid, 1994).

Menurut al-Habib Abdullah al-Haddad bahawa tarekat dalam ilmu tasawuf telah mengambil jalan para salafus soleh yang antaranya terdiri dari wasilah ahli bait Rasulullah s.a.w jejak demi jejak, langkah demi langkah kembara menuju Allah. Perjalanan (*tarek dan sabil*), kembara dan perjuangan (*mujahadah*) bagi menghimpunkan segala bentuk kebenaran yang dinikmati secara hakiki dalam kehidupan. Kebenaran yang satu iaitu jalan yang lurus (*siratal mustaqim*) sebagaimana firman Allah S.W.T dalam Surah al-An'am pada ayat 153 yang bermaksud:

"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa".

Menurut al-Imam Abi Muhammad al-Bagahwi, 1995 hal. 468) menjelaskan bahawa inilah yang diwasiat dan diperintahkan Allah S.W.T agar mengikuti *sirati*, jalanKu dan agamaKu yang lurus, tepat dan mantap iaitu agama Islam yang memiliki objektif yang jelas, jalan yang lurus dan agama keredhaan Allah S.W.T maka ikutilah secara keseluruhannya.

Ilmu tasawuf yang terkandung di dalamnya tarekat, zikrullah, guru dan murid sering mendapat perhatian dari para sarjana Islam untuk meneliti dan mengkaji kedudukan ilmu tersebut samada bertepatan dengan kehendak Islam. Hal ini telah menyebabkan berlakunya perbezaan pandangan dikalangan para ulama. Isu penyelewengan para guru tarekat dan zikir yang diamalkan adalah antara punca ilmu tasawuf dipandang negatif dan ditolak oleh sebahagian ulama. Bermula pada kurun yang ke 8H seperti Ibnu Taimiyah (w.728H), Ibnu Qayyim (w.751H), al-Khatib al-Sharhuni (w.977H) dan ulama mutakhir dalam majlis fatwa *Lajnah al-Daimah li al-Buhuth al-Ilmiah wa al-Ifta'* yang membid'ahkan amalan berzikir dengan zikir *ism al-zat*, bahkan mengaplikasikannya secara berjamaah di masjid atau di mana sahaja adalah satu kemungkaran kerana tiada dalil bersumberkan al-Quran dan sunnah. Pendapat mereka telah ditentang oleh para ulama tasawuf dan tarekat yang menjelaskan tentang dalil keharusan zikrullah dengan lafaz tertentu secara bersendirian mahupun berjamaah dengan suara yang kuat dan di pimpin oleh para naqib dalam tarekat (Syed Omar, 2010; Muhammad, 2013; Al-Kurdī, 2004).

Antara tarekat yang masyhur dalam dunia Islam ialah Tarekat Alawiyah diasaskan oleh Saidina *al-Faqih Muqadam* Muhammad bin Ali Ba Alawi generasi ke 11 hingga kepada Rasulullah SAW (Al-'Attās, S. A., t.th.; Al-Šiblī, 1982). Tarekat Alawiyah ini telah berkembang seterusnya menyumbang jasa yang tidak terhingga kepada dunia Islam khususnya di Nusantara kerana mengislamkan orang melayu sejak kedatangan Islam 1,400 tahun yang lalu melalui dakwah dan perdagangan terutama wali Sembilan di Tanah Jawa, Indonesia yang bernasab hingga kepada Rasulullah SAW (Al-Jufri, 2013). Mereka menjadi Sultan setelah mengahwini puteri raja, menjadi ulama, mufti, dan wali Allah yang berjuang tanpa rasa takut dan duka atas segala tribulasi yang dihadapi ternyata mereka mendapat pertolongan Allah.(Fauzi, 2013; Al-Ḥaddād, 1991 ; Azra, 2008).

Pengasas Ratib al-'Attas (Sahib) Ratib al-'Attas iaitu Habib Umar bin Abdul Rahman al-'Attas (1.992H-w.1072H) maqamnya di Kota Huraidah, Hadramaut, Yaman (Al-'Attās, S. M. N. A., 1977; Al-'Attās, H. H. A., t.th.; Al-'Attās, H. A. A. H., 1968). Nasab beliau sampai kepada Rasulullah s.a.w. Fatimah al-Zahra binti Rasulullah SAW dan suami Saidina Ali bin Abu Talib. Penduduk Kota Huraidah, Hadramaut, Yaman suatu ketika menghadapi isu ekonomi kerana kota itu menghadapi kemarau, tersebar wabak penyakit dan isu ajaran sesat di kalangan penduduk, lalu penduduk Kota Huraidah meminta beliau menyusun satu amalan zikir atau ratib yang dapat diamalkan oleh penduduk secara berjamaah bagi memohon Allah mengembalikan kesejahteraan dan keselamatan (*wellness*) penduduk dari isu akidah dan ekonomi para penduduk Kota Huraidah (Al-'Attās, H. A. H., 2007).

■2.0 LATARBELAKANG APLIKASI RĀTIB AL-ATTĀS

Amalan ini telah menjadi amalan yang berterusan diamalkan oleh para penduduk Kota Huraidah, Yaman secara berjamaah samada di Masjid, Madrasah serta rumah-rumah di sana sehingga hari ini. Amalan berjamaah selepas solat isyak, manakala selepas maghrib pada bulan Ramadhan (Al-'Attās, A.-Ḥ. S. M., 2014; Al-Ḥaddād, a.-Ḥ. S. A. B., 2013). Amalan tarekat ini terus berkembang sehingga ke Burma, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Brunei Darul Salam (Al-'Attās, S. M., 2008). Di Negeri Johor Darul Takzim, Malaysia amalan ini berkembang sejak 1922 berdasarkan doktrin Ratib al-'Attas cetakan Wakaf Madrasah al-'Attas al-Arabiyyah, Johor Bahru, Johor yang dibangunkan oleh Habib Hasan bin Ahmad al-'Attas, pengasas Madrasah al-'Attas, Johor Bahru dan Pekan, Pahang (w.1932). Madrasah al-'Attas al-Arabiyyah yang dibina pada 1913 hingga kini telah berjaya melahirkan ramai pembesar, ulama dan cendekiawan (Al-Muarī, M., Mohd.Azman 2006; Al-'Attās, S. A., 2013). Kebanyakan Mufti di Negeri Johor suatu masa dahulu adalah di kalangan keturunan Rasulullah seperti Habib Salim bin Ahmad al-'Attas, Habib Abdul Qadir bin Mohsin al-'Attas, Habib Alwi bin Tahir al-Haddad, Habib Alwi bin Abdullah al-Haddad (Fauzi, N. W., 2012). Manakala di Singapura doktrin Ratib al-'Attas yang dicetak pada tahun 1952 oleh Habib Muhammad bin Salim al-'Attas, pengasas Masjid BaAlawi, Singapura (Al-'Attās, H. H., 2012). Manakala para Habaib yang membangunkan pesantren atau jamaah ta'lim di Palembang, Jawa Barat, Jawa Tengah dan Jawa Timur, Indonesia juga menjadikan Ratib al-'Attas sebagai amalan benteng kerohanian (Al-Ḥabshī, '., 1999; Al-Ḥabshī, H. H., 2013). Begitu halnya yang berlaku di Brunei Darul Salam aplikasi amalan berjamaah ini telah menjadi modul kerohanian di seluruh Sekolah Agama Kerajaan dan masjid yang diasaskan oleh bekas Mufti Ismail Umar Abdul Aziz anak kelahiran Madrasah al-'Attas, Johor Bahru, Johor (Mohamed & Ibrahim, 2012).

Ratib adalah susunan zikir yang ringkas dan al-'Attas bermakna bersin, kerana pengasasnya iaitu Habib Umar bersin semasa dalam kandungan ibunya (Al-'Attās, H. A. H., t.t; Azra, 2008) Zikrullah adalah *Sultan al-Qurbi* (method utama) mendekati diri kepada Allah S.W.T, merupakan dasar ilmu Ihsan bagi mencapai reda Allah S.W.T. (Muhammad, 2013). Pendekatan berzikir secara berjamaah di masjid, surau, madrasah, rumah kediaman adalah method yang telah lama berkembang dalam masyarakat Islam di Nusantara. Perhimpunan membaca al-Quran terutama Yasin dan tahlil, majlis khatam al-Quran, membaca maulid dan selawat atas Nabi SAW adalah amalan yang sangat baik dan memberi impak yang besar dalam (Al-Muarī, 2015; Mohd. Noor, 2011) menyatukan umat Islam dalam sesuatu komuniti (Mohd. Noor, 2011). Termasuk aplikasi membaca ratib al-'Attas, al-Haddad atau apa-apa jenis ratib dalam Tarekat Alawiyah (Al-'Attas, Habib Muhammad, 2102). Zikir adalah makanan bagi hati yang sihat dan ubat penawar bagi hati yang sakit (Al-Ḥabshī, 2007).

■3.0 DOKTRIN RĀTIB AL-ATTĀS

Berkata al-Imam al-Ghazali r.a: “Selepas daripada membaca al-Quran tiada ibadat yang dilakukan oleh lidah terlebih afhdal daripada zikrullah Ta’ala (Syeikh Abdul Samad al-Palembani, 2002). Manakala menurut al-Imam Jalaluddin al-Suyuti (2010) al-Mujahid berkata : “Tidak menjadi seorang hamba yang digelar banyak berzikir kepada Allah sehingga dia berzikir dalam keadaan berdiri, duduk dan berbaring”.

Aplikasi amalan ini yang kebiasaannya diketuai oleh pembimbing yang berkelayakan dengan mendapat ijazah guru untuk membimbing para jamaah. Pembimbing juga akan memberikan bimbingan melalui tazkirah ringkas dan membaca hajat bagi tujuan perhimpunan tersebut, kemudian akan memulakan dengan membaca al-Fatihah secara beramai-ramai sebagai mengambil keberkatan untuk membuka majlis (Al-'Attās, H. Hasan 1996; Al-'Attās, S. M. N., 1999). Setelah itu, naqib membaca al-Hasyr, 59:21-24. Bacaan ini ditambah oleh Habib Ali bin Hasan al-'Attas (Al-'Attās, H. A. H., 2007).

Seterusnya 17 zikir ini dibaca secara berturutan dengan zikir pertama adalah *ta'awuz* (memohon perlindungan) dibaca sebanyak tiga kali. Ini bertepatan dengan beberapa hadis dalam riwayat (Al-Tirmidhi, 1998: 242; Abu Dawud, 2009: 775; Ahmad, 2001: 11473, 20306; Al-Darimi, 2000: 1275). Lafaz bacaan tersebut adalah seperti berikut:

أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Maksud: "Aku berlindung kepada Allah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui dari godaan syaitan yang direjam (terkutuk)".

(Al-Tirmidhi, Abu Dawud, dan Ahmad)

Bacaan kedua daripada zikir tersebut juga adalah *ta'awuz* (memohon perlindungan), juga dibaca sebanyak tiga kali bersumberkan hadis dalam riwayat (Muslim, 2001: 2708, 2709; Al-Bukhari, 1994: 3371; Ibn Majah, 2009: 3518; Daud, 2001: 3898; Al-Tirmidhi, 1998: 3437) : Lafaz bacaan tersebut adalah seperti berikut:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

Maksud: "Aku berlindung dengan kalimah Allah yang sempurna (al-Quran) dari seluruh kejahatan mahluk-Nya".

Zikir ketiga termasuk bacaan basmalah yang dibaca sebanyak tiga kali yang bersumberkan beberapa hadis dalam riwayat (Al-Tirmidhi, 1998: 3388; Abu Dawud, 2009: 5088; Al-Nasa'i, 2001: 10106; Ibn Majah, 2009: 3869; Ahmad, 2001: 446): Lafaz bacaan tersebut adalah seperti berikut:

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksud: "Dengan nama Allah, Tiada yang memudaratkan sesuatu di langit dan di bumi, Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Zikir keempat adalah gabungan bacaan *basmalah* dan *hauqalah* yang diulang sebanyak sepuluh kali. Amalan ini adalah bersumberkan hadis dalam riwayat (Ibn al-Sunni, 1987: 1/298; Ibn Majah, 2009: 3878; Daud, 2001: 832; Al-Tirmidhi, 1998: 3570; Al-Bukhari, 1994: 3968) dan banyak diamalkan oleh para ulama yang besar (Al-Tabrani, 1993; Al-Sarraj, M. I., 2004; Ibn Bushran, 1997) tatkala memulakan sesuatu pekerjaan. Namun penyusun berijtihad untuk mengabungkan bacaan lafaz *basmalah* diawal *hauqalah*. Perkataan *hauqalah* adalah khazanah syurga Allah. Lafaz bacaan tersebut adalah seperti berikut:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

Maksud: "Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan tiada daya dan upaya kecuali atas pertolongan Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung".

Zikir kelima dengan bacaan zikir yang diulang sebanyak 3 kali. Amalan ini adalah bersumberkan daripada hadis yang banyak dalam riwayat (Al-Bukhari, 1994: 7, 2941; Muslim, 2001: 400; Al-Tirmidhi, 1998: 245) iaitu kalimah permulaan surat Rasulullah s.a.w kepada raja Rom (*Harqal*), permulaan bacaan al-Quran dan solat sebelum al-Fatihah dalam mazhab Shafie. Lafaz bacaan tersebut adalah seperti berikut:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Maksud: "Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengetahui".

Zikir keenam dengan bacaan zikir yang diulang sebanyak 3 kali. Amalan ini adalah merupakan doa yang dibaca secara ijtihad penyusun memulakan dengan menyebut nama Allah sebagaimana firman Allah S.W.T dalam *al-'Alaq*, 96: 1. Adapun sumber hadis dalam riwayat (al-Bukhari, 1994: 5991). Perintah dan arahan Allah menyebut namaNya yang A'zam (Maha Agung). Lafaz bacaan tersebut adalah seperti berikut:

بِسْمِ اللَّهِ تَحَصَّنَا بِاللَّهِ بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْنَا بِاللَّهِ

Maksud: "Dengan menyebut nama Allah kami berlindung kepada Allah, dengan menyebut nama Allah kami bertawakal kepada Allah S.W.T".

Zikir ketujuh dengan bacaan zikir yang diulang sebanyak 3 kali. Amalan ini bukan bersumberkan al-Quran dan hadis tetapi merupakan doa yang dibaca secara ijtihad penyusun yang tidak bertentangan dengan keduanya kerana memulakan dengan menyebut nama Allah sebagaimana firman Allah S.W.T dalam *al-'Alaq*, 96: 1. Perintah dan arahan Allah menyebut namaNya yang A'zam (Maha Agung). Lafaz bacaan tersebut adalah seperti berikut:

بِسْمِ اللَّهِ آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَنْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ لَا خَوْفَ عَلَيْهِ

Maksud: "Dengan menyebut nama Allah kami beriman dan sesiapa yang beriman dengan Allah pasti tiada ketakutan baginya"

Zikir kelapan adalah termasuk bacaan tasbih dengan bacaan zikir yang diulang sebanyak 3 kali. Amalan ini bersumberkan al-Quran dan hadis namun bacaan ini adalah merupakan ijtihad penyusun yang tidak bertentangan dengan keduanya. Lafaz bacaan tersebut adalah seperti berikut:

سُبْحَانَ اللَّهِ عَزَّ اللَّهُ سُبْحَانَ جَلَّ اللَّهُ

Maksud: "Maha Suci Allah, Maha Mulia Allah Maha Suci Allah Maha Agung Allah".

Zikir kesembilan adalah bacaan tasbih dengan bacaan yang diulang sebanyak 3 kali. Amalan ini adalah bersumberkan hadis dalam riwayat (Al-Bukhari, 1994: 7563, 6682; Muslim, 2001: 2694) iaitu kalimah yang ringan pada sebutan, berat pada timbangan dan kalimah kecintaan Allah S.W.T. Lafaz bacaan tersebut adalah seperti berikut:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ

Maksud: “Maha Suci Allah dan Segala Puji bagiNya, Maha Suci Allah Yang Maha Agung

Zikir kesepuluh dengan bacaan tasbih, tahmid, tahlil dan takbir yang diulang sebanyak 4 kali. Amalan ini juga disebut sebagai kalimah *al-Baqiyah al-Salihah* sebagaimana Firman Allah dalam *al-Kahfi*, 18: 46, *Mariam*, 19: 76, juga sebaik-baik kalimah yang empat, menurut Imam Mujahid sebagai kalimah *al-Takwa* bersumberkan kepada hadis dalam riwayat (Al-Bukhari, 1994). Lafaz bacaan tersebut adalah seperti berikut:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

Maksud: “Maha Suci Allah dan Segala Puji bagi Allah dan tiada Tuhan yang patut disembah selain Allah dan Allah Maha Besar”.

Zikir kesebelas adalah doa menyeru tiga nama *Asmaullah al-Husna* (Allah yang Maha Mulia) dengan bacaan sebanyak 3 kali. Amalan ini adalah merupakan ijihad penyusun. Bacaan ini bertepatan dengan ayat al-Quran dalam *al-A'raf*, 7: 108, *al-Isra'*, 15: 110 yang mengarahkan menyebut *Asmaullah al-Husna* iaitu *Ya Latif*, *Ya Alim* dan *Ya Khabir* sebagai perintah Allah S.W.T agar menyeru nama-namaNya Yang Maha Mulia dalam berdoa bagi memohon sesuatu hajat permintaan. Doa ini juga dikatakan sebagai doa *al-Lutf* bagi Saidina Khaidir (Al-‘Attās, H. A. H., 2007; Al-Ghazali, 2011). Lafaz bacaan tersebut adalah seperti berikut:

يَا لَطِيفًا بِخَلْقِهِ يَا عَلِيمًا بِخَلْقِهِ يَا خَبِيرًا بِخَلْقِهِ
الطِّفُّ يَا لَطِيفٌ يَا عَلِيمٌ يَا خَبِيرٌ

Maksud: “Wahai Zat Maha Belas kasih pada makhlukNya. Wahai Zat yang Maha Mengetahui keadaan makhlukNya. Wahai Zat Yang Maha Memerhatikan makhlukNya, kasihanilah kami Wahai Zat Yang Maha Belas Kasih, Yang Maha Mengetahui, Yang Maha Memerhatikan”.

Zikir keduabelas dengan bacaan sebanyak 3 kali. Amalan ini adalah merupakan ijihad penyusun sendiri namun sebutan *Asmaullah al-Husna* iaitu *Ya Latif* sebagai seruan bersumberkan kepada ayat al-Quran dalam *al-Shura*, 42: 19, *al-Mulk*, 67: 14, *al-An'aam*, 6: 103, *Yusuf*, 12: 100. Lafaz bacaan tersebut adalah seperti berikut:

يَا لَطِيفًا لَمْ يَزَلِ الطِّفُّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِكَ لَطِيفٌ لَمْ تَزَلِ الطِّفُّ بِنَا وَالْمُسْلِمِينَ

Maksud: “Wahai Zat Yang Maha Belas KasihNya tiada terbatas, kasihanilah kami dalam segala hal yang telah Kamu tentukan, sesungguhnya Kamu Yang Maha Lemah Lembut yang tiada henti. Oleh itu Kasihanilah kami dan semua kaum muslimin”.

Zikir ketigabelas dengan bacaan sebanyak 40-100 kali. Amalan ini adalah bersumberkan kepada hadis dalam riwayat (Al-Bukhari, 1994: 8, 44, 53, 128; Muslim, 2001: 32, 33, 34, 36, 37; Daud, 2001: 169; Al-Tirmidhi, 1998: 976). Lafaz bacaan tersebut adalah seperti berikut:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Maksud: “Tiada Tuhan melainkan Allah”.

Zikir keempatbelas dengan bacaan sebanyak 7 kali. Amalan ini adalah bersumberkan kepada hadis dalam riwayat (Al-Bukhari, 1994: 4563; Al-Tirmidhi, 1998: 2431; Muslim, 2001: 2272). Lafaz bacaan tersebut adalah seperti berikut:

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

Maksud: “Cukuplah untuk (menolong) kami, dan ia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepadanya Segala urusan kami)”.

Zikir kelimabelas dengan bacaan sebanyak 11 kali. Amalan ini adalah bersumberkan kepada Firman Allah S.W.T dalam *al-Ahzab*, 21: 56 menepati arahan, perbuatan Allah, para Malaikat serta hambaNya yang saleh, manakala bertepatan dengan amalan berselawat dalam solat lima waktu, juga menjadi rukun khutbah jumaat sebagaimana hadis dalam riwayat (Muslim, 2001: 405; Al-Bukhari, 1994: 3370, 4797; Daud, 2001: 976; Al-Tirmidhi, 1998: 483). Lafaz bacaan tersebut adalah seperti berikut:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maknanya “Ya Allah selawat dan salam sejahtera ke atas Muhammad”.

Zikir keenambelas dengan bacaan sebanyak 11 kali. Amalan ini adalah bersumberkan kepada firman Allah dalam *Ali 'Imran*, 3:135, *al-Nisa*, 5: 64, 110, 106, *al-Anfal*, 8: 33, *Hud*, 12: 52, 61, 90, *al-Tahrim*, 28: 8, merupakan perintah Allah S.W.T kepada hamba-hambaNya, begitu juga bertepatan dengan budaya istighfar Rasulullah s.a.w pada setiap hari melalui hadis dalam riwayat (Muslim, 2001: 591; Al-Bukhari, 1994: 5832, 6307; Daud, 2001: 1517; Al-Tirmidhi, 1998: 2070; Ibn Majah, 2009: 1637). Lafaz bacaan tersebut adalah seperti berikut:

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

Maksud: “Aku memohon keampunan kepada Allah”

Kemudian diikuti dengan bacaan (تَائِبُونَ إِلَى اللَّهِ) sebanyak 3 kali.

Zikir ketujuhbelas dengan bacaan sebanyak 11 kali. Amalan ini adalah bersumberkan daripada firman Allah S.W.T dalam *al-Ahzab* 33: 41-42. Manakala menurut sumber hadis dalam riwayat Muslim 2001: 131. Namun begitu, zikir ini merupakan doa yang telah diijthadkan penyusun bagi memohon kehidupan yang baik dunia akhirat yang tidak bertentangan dengan al-Quran dan hadis (Syed Omar, 2010; Mamat, 2010; Al-Qušairī, 2011). Lafaz bacaan tersebut adalah seperti berikut:

يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ بِخَسَنِ الْخَاتِمَةِ

Maksud: "Ya Allah dengannya Ya Allah dengannya kesudahan yang baik (khusnul Khotimah atau Husnu Ma'ab)".

Kemudian disambung dengan bacaan terakhir dalam *al-Baqarah*, 285-286 (Sebagaimana dalam *al-Hasyr* 59: 21-24 pada awal bacaan ratib yang merupakan bacaan tambahan diasaskan oleh Habib Ali bin Hasan al-Attas, *Sahib al-Mashad*). Maksud ayat: "(Kami pohonkan) keampunanMu Wahai Tuhan kami, dan kepadamu jualah tempat kembali". Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! janganlah Kamu mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! janganlah Kamu bebaskan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah kamu bebaskan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! janganlah Kamu pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Kamulah Penolong kami, oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir". (*Al-Baqarah*, 2: 285-286).

Berdasarkan kepada 17 zikir yang telah disebut di atas, maka boleh dikategorikan 17 itu kepada 9 zikir utama iaitu 2 *ta'awuz*, 5 *basmalah*, 3 *tasbih*, 2 *Ya Latif*, *tahlil*, *hasbalah*, *selawat*, *istighfar* dan mohon doa *husn al-khatimah*. Bilangan kekerapan bacaan adalah 12 zikir dibaca sebanyak 3 kali, 4 kali bacaan pada 1 zikir, 7 kali bacaan hanya pada 1 zikir, 10 kali bacaan hanya pada 1 zikir, 11 kali bacaan pada 2 zikir dan yang paling banyak adalah 40-100 kali pada bacaan tahlil. Menurut Habib Hasan bahawa bilangan ini adalah ibarat mata kunci yang membuka segala pintu kesulitan dalam kehidupan bertepatan dengan namanya *Aziz al-Manal Wa Fath Bab al-Wisal* (Sesuatu yang sukar dicari bagi membuka pintu yang menyampaikan) (Al-'Attās, H. Hasan, 1997). Manakala terdapat 7 lafaz zikir yang diletakkan dalam ratib ini sebagai satu ijtihad bersumberkan al-Quran dan hadis serta amalan para kekasih Allah S.W.T. Oleh itu, ratib Habib Umar bin Abdul Rahman al-Attas ini sama sekali tidak terkeluar dari landasan syariat sebenar.

Setelah itu pembimbing akan membaca lima kali bacaan Fatihah sebagaimana dalam *al-Hijr* 14:87 dan dalam riwayat al-Tirmidhi 1998: 2800 yang ditujukan kepada Baginda Rasulullah s.a.w, Para Wali khususnya Saidina *al-Muhajir Ilallah* Ahmad bin Isa, keturunan Rasulullah pertama berhijrah dari Basrah ke Hadramaut, Yaman, Saidina *al-Faqih Muqaddam*, pengasas tarekat Alawiyah, Habib Umar bin Abdul Rahman al-Attas, Sahib al-Ratib, anak murid beliau yang setia berkhidmat iaitu Sheikh Ali bin Abdullah Baras, para guru-guru, ibubapa, seluruh muslim dan muslimat, yang terakhir atas harapan agar segala hajat yang dipohon diperkenankan Allah S.W.T. yang barakah ini disebut dalam *al-Hijr*, 14: 87 iaitu tujuh ayat pujian yang diulang sebagai tanda mengagungkan Allah S.W.T. Seterusnya yang terakhir adalah bacaan doa yang disusun oleh Habib Abdullah bin Alwi al-Haddad. Doa lengkap memohon kesejahteraan dan keselamatan dunia akhirat (*wellness*) (Al-Attas, Muhsin, 1997; Al-'Attās, S. M. N. A., 2007)

4.0 SUMBER DOKTRIN RĀTIB AL-ATTĀS

Terdapat banyak dalil mengenai perintah zikir dalam al-Quran antaranya: Ingat pada Allah, maka Allah pasti ingat mereka dalam *al-Baqarah*, 1:152. Alat mendepani masa akan datang dengan merujuk (saat senang dan susah) kepada Maha Pencipta dalam *al-Baqarah*, 1:156. Doa mendekati kepada Allah S.W.T serta dimakbulkan segala permintaan dalam *al-Baqarah*, 1:186. Ubat dan kapsul segala penyakit zahir batin dalam *Ali Imran*, 3:134. Alat membentuk dan membina pemikiran positif dan kaedah menyelamatkan diri dari sambaran api neraka. Seterusnya mengingati Allah S.W.T (solat, puasa, zakat, haji, membaca al-Quran, dan lain-lain) dalam keadaan berdiri, duduk atau berbaring kemudian membaca doa memohon keampunan dan diakhiri kehidupan bersama insan bijaksana (*abrar*) di sisi Allah S.W.T. dalam *Ali Imran*, 3:191-194. Saranan mengingati Tuhan dalam keadaan tunduk dan senyap dalam *al-A'raf*, 7:205. Berzikir sebagai satu cara menjadikan hati tenang dalam *al-Ra'ad*, 13: 28. Modul dan kaedah mentaati dan melaksanakan perintah Allah S.W.T supaya manusia sentiasa ingat kepadaNya. (Al-Qūsairī, 2011; Al-Sarraj, A. N., 2002; Al-Šaukānī, 1988)

Mengingati Allah S.W.T tanda keimanan samada lelaki dan perempuan, sendirian atau berjamaah, dengan ingatan yang sebanyak-banyaknya pada setiap waktu pagi dan petang dalam *al-Ahzab*, 33:41-42. Insan yang berzikir lelaki dan perempuan akan beroleh pengampunan dan ganjaran pahala yang besar di sisi Allah dalam *al-Ahzab*, 33:35. Kedudukan zikir adalah tinggi di sisi Allah kerana ia adalah pekerjaan yang utama dalam *al-Ankabut*, 29:45. Mencapai cahaya Ilahiyah melalui zikrullah dalam *al-Nur*, 24:35-37. Modal dan keuntungan (*al-baqiyat al-salehah*) untuk menghadap dan melihat Allah di Hari Kiamat kelak dalam *as-Syu'ara*, 26: 88-89 dan *al-Kahfi*, 18:46. Alat pembersihan jiwa (*tazkiyah al-nafs*) dalam *al-Shams*, 91:9-10.

Keutamaan zikrullah dan kelebihan menganjurkan majlis zikrullah secara beramai-ramai juga bersumberkan kepada hadis antaranya perumpamaan insan yang berzikir dengan mereka yang tidak berzikir ibarat insan yang hidup dan mati dalam riwayat *al-Bukhari*, 1993: 832, 6090, 6091, 6854, 6856 manakala dalam riwayat *Muslim*, 2001: 558, 1299, 4834, 4850, 4851, 4854, 4867, 4927, 4937, 4938, 5352. Berdasarkan kepada dua sumber utama dalam ASWAJA mengharuskan aplikasi zikrullah dalam mana-mana tarekat yang muktabar (Al-Palembanī, 2002; Al-Makkī, 2010; Al-Jailānī, 2011).

5.0 KAEDAH APLIKASI RĀTIB AL-ATTĀS

Ratib al-Attās adalah amalan yang ringkas dan mudah. Boleh diamalkan secara sendirian atau berjamaah pada bila-bila masa khususnya pada waktu pagi, petang atau malam di mana-mana lokasi yang sesuai terutama masjid dan surau, boleh juga diadakan di rumah kediaman, permis perniagaan, balai raya, dewan dan sebagainya. Amalan ini boleh diaplikasi dalam apa jua keadaan samada duduk, berdiri atau berbaring sebagaimana Ali-Imran, 3:191. Amalan ini juga tidak terikat dengan ijazah guru, namun hadir dalam majlis Rātib al-Attās secara langsung telah mendapat ijazah guru dan untuk mengambil amalan ini dari para Habaib yang berkelayakan tidak memerlukan suatu baiha tertentu. (Al-'Attās, H. Hasan 1996; Al-'Attās, H. Hasan, 1997).

Adapun memiliki seorang guru yang mursyid adalah tuntutan kebanyakan amalan tasawuf dan tarekat. Guru mursyid sebagai petunjuk jalan yang lurus (Al-Šuhrawardī, 2009; Al-Kurdī, 2004; Bin Šheikh Abu Bakar, 2014). Dalam aplikasi amalan ini yang dilakukan secara berjamaah di mana-mana lokasi perlu kepada pimpinan seorang guru kerana ada di kalangan pengikut yang kurang berkebolehan membaca zikir-zikir dan doa tersebut dengan baik disamping mereka yakin barakah guru mursyid dan lokasi zikir terutama

rumah Allah S.W.T. sebagaimana yang disebutkan dalam surah Qaf, 50:37. Selain itu, seseorang murid yang memiliki guru pembimbing mempunyai hati yang bersih, ikhlas, ihsan, dan kemahiran mendengar serta menjadi saksi kepada zikir yang dibaca (Al-Merbawī, 2001; Mamat, 2010).

7.0 PENUTUP

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa doktrin zikir 17 yang diasaskan oleh Sahib al-Ratib iaitu Habib Umar bin Abdul Rahman al-Attas adalah doktrin zikir yang diwarisi aplikasinya di seluruh dunia sejak turun temurun terutamanya di Hadralmaut, Yaman dan nusantara khususnya di negeri Johor Darul Takzim. Zikir ini adalah pusaka dan warisan wali Allah yang bertaraf Qutub serta bertepatan menurut perspektif al-Quran dan Hadis seperti yang telah dibincangkan. Ianya menjadikan sesuatu amalan zikir yang lebih diterima dalam kalangan ilmuwan dan juga masyarakat awam. Hal ini kerana sekiranya amalan-amalan zikir yang diamalkan tiada dalil yang sah menyebabkan kurang mendapat sambutan masyarakat untuk diamalkan. Oleh yang demikian majlis Ratib al-Attas bukanlah satu bidaah yang sesat dan mengelirukan, namun ia menjadi pilihan terhadap zikir yang bersesuaian untuk diamalkan di semua peringkat masjid, surau, pusat pendidikan menengah dan rendah, termasuk di rumah kediaman serta lokasi dan waktu yang bersesuaian bagi mencapai objektif hajat dunia dan akhirat serta mencapai keredhaan Allah SWT.

Rujukan

- Abdul Rahman, Subki, Myiddin, Rifqi. (2011). *Amalan Sunnah Selepas Solat & Kelebihannya*. Telaga Biru Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Abu Dawud, Sulaiman. (2009). *Sunan Abi Dawud*. al-Arna'ut Shu'aib & Muhammad Kamil Qurrah Balali. 1-7. Dar al-Risalah al-'Alamiyyah, Beirut.
- Ahmad, Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid. Mu'assah al-Risalah, Al-Qahirah.
- Al-Attās, Al-Ḥabīb Syed Muhammad. (2014). Amalan Ratib Al-Attās di Huraidah, Hadramaut, Yaman. In Mohd. Azman Mohsin (Ed.), *Doktor Falsafah*, 1-2. UTM, Skudai, Fakulti Tamadun Islam, Johor.
- Al-Attās, H. Abdullah Alwi Hassan. (1968). *Sabīl al-Muḥtaḍīn Fī Zikrī Adiyah al-Ashab al-Yamīn*. Kaheerah.
- Al-Attās, H. Ali Hasan. (2007). *Al-Qirtās, Ṣharah Rātib 'Attās*. t.c.: t.p.
- Al-Attās, H. Ali Hasan (t.t). *Majmuk Mu'alafāt*. Maktabah Ma'ruf, Jakarta, Indonesia.
- Al-Attās, H. Hasan (1996). *Umar bin Abd. Rahman, Kisah Dan Sejarah al-Qutub al-Anfas al-Habib Umar bin Abd Rahman Al-Attas*. Masjid Ba'Alawi, Singapura.
- Al-Attās, H. Hasan (2010). *Kelebihan Ratib*. Masjid Ba'Alawi, Singapura.
- Al-Attās, H. Hasan (2012). *The Spread Of Islam And The Role Of The Sufis*. Masjid Ba'Alawi, Singapura.
- Al-Attās, H. Hasan (1997). *Kelebihan Ratib, huraian Ratib al-Habib Umar bin Abdul Rahman 'Attās*. Masjid Ba'Alawi, Singapura.
- Al-Attās, H. Hasan Abdullah (t.th.). *Tazkīrūn Nās*. Dar Ihya al Kutub al-Arabiyah Isa al-Babi al-Halabi wa Syarikat, Kaheerah, Mesir
- Al-Attās, H. Muhammad (2012). *'Aziz al-Manāl Wa Fathu Bāb al-Wisāl Pembuka Jalan Mendekatkan diri Kepada Allah*. Percetakan Nasional Bhd., Kuching, Sarawak.
- Al-Attās, S. Abdullah (t.th.). *Al-Ilmu al-Nabrās Fī al-Tanbih Alā Manhaj al-Akyas* T.P., T.T.P.
- Al-Attās, S. Muhammad Naqib (1999). *The Rare Gift And The Key To Opening The Door Of Union*. Masjid Ba'Alawi, Singapura.
- Al-Attās, S. Muhammad Naqib Ali. (1977). *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kuala Lumpur.
- Al-Attās, S. Muhammad Naqib Ali. (2007). *The Rare Gift And The Key To Opening The Door Of Union*. The Mosque BaAlawi, Singapore.
- Al-Attās, S. Mustafa. (2008). *Al-Tarīkah 'Attāsīyah al-'Alawīyah*. t.c., t.p.
- Al-Attās, Syed Ali. (2013). Amalan dan Doktrin Ratib Al-Attās di Masjid Habib Hasan, Johor Bahru. In Mohd. Azman Mohsin (Ed.), *Doktor Falsafah*, 1-2. Fakulti Tamadun Islam, UTM Skudai, Johor.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (1994). *Sahih al-Bukhari*. 'Abd al-Aziz 'Abdullah, 1-5. Dar al-Fikr, Beirut.
- Al-Darimi, Abu Muhammad Abdullah. (2000). *Sunan al-Darimi*. Hussain Salim Asad Al-Darani, 1-4. Dar al-Mugni li al-Nasr wa al-Tawzi', Al-Mamlakat al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah.
- Al-Ghazali, Al-Imam Muhammad. (2011). *Ihya' 'Ulūm al-Dīn*, 1-8. Victory Ajensi, Kuala Lumpur.
- Al-Ḥabshī, 'Aḍrūs (1999). *Akdu al-Yawūkī al-Jauharīyah Wā Sumtu al-Ain al-Zahabīyah*. Maktabah Pustaka Nasional, Singapura.
- Al-Ḥabshī, H. Ahmad (2007). *Ṣharah al-'Ainiyah*. Dar al-Minhaj, Surabaya, Indonesia.
- Al-Ḥabshī, Habib Hamid. (2013). Amalan dan Doktrin Ratib Al-Attās di Pasentren Palembang, Indonesia. In Mohd. Azman Mohsin (Ed.), *Doktor Falsafah*, 1-2. Fakulti Tamadun Islam, UTM, Skudai, Johor.
- Al-Ḥaddād, al-Ḥabīb Syed Abu Bakar. (2013). Amalan Ratib Al-Attās dan Asmaullah al-Husna di MHH Johor Bahru. In Mohd. Azman Mohsin (Ed.), *Doktor Falsafah*, 1-10. Fakulti Tamadun Islam, UTM, Skudai, Johor.
- Al-Ḥaddād, H. Alwi (2005). *Ṣharah Rātib Al-Ḥaddād*. Maqam al-Imam al-Haddad, Tarim, Hadramaut, Yaman.
- Al-Ḥaddād, H. Alwi Tahir. (1991). *'Ukūd al-Mās Bī Manakib al-Imām al-Ḥabīb Ahmad bin Hasan bin Abdullah Al-Attās*. Cetakan Kerjaya, Singapura.
- Al-Jailānī, Sheikh Abdul Qadir (2011). *Al-Ghyuniah li Tālībī Tārik al-Ḥak 'Azawajallā*. Darul al-Taufiqiah Li Turath, Kaheerah, Mesir.
- Al-Jufri, Abdul Latif, Ibnu Mohsin al-Muari. (2013). *Pendekatan Dakwah Wali 9*. Majlis Agama Islam Johor, Johor Bahru.
- Al-Khalidī, Sidek, Jahid (1994). *Shaikh dalam Ilmu Tariqah*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Al-Kurdī, Muhammad Amin. (2004). *Tanwīr al-Qulūb Fī Muamalah Allam al-Ghuyub*. Dar al-Fikr, Beirut, Lubnan.
- Al-Makkī, Sheikh Abi Talib (2010). *Qūt al-Qulūb Fī Muamalah al-Mahbūb*. Darul Sodir, Beirut.
- Al-Merbawī, Mohamad, Abdul Manam (2001). *Tarekat Naqsabandiah Dan Sejarah Kemasukannya Ke Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Kuala Lumpur.
- Al-Muari, Ibnu Mohsin (2009). *Ratib Al-Attās dan Asmaul Husna : Amalan Menuju Kebahagiaan (Zikir Pagi Dan Solat Sunat Dhuha)*. Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.
- Al-Muari, Mohsin Mohd. Azman (2015). *Rātib al-'Attās dan Asmaullah al-Husnā, Jalan Petunjuk Dan Kebijaksanaan*. Rimbunan Ilmu Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Al-Muari, Mohsin, Mohd. Azman (2006). *Ratib al-'Attās dan Asmaul Husna : Menuju Husnul Khatimah*. Al-Hidayah Publisher, Kuala Lumpur.
- Al-Nasa'i, Ahmad. (2001). *Al-Sunan al-Kubra*. Hasan 'Abd al-Man'am Shilbi, 1-10. Mu'assasah al-Risalah, Beirut.
- Al-Palembani, Sheikh Abdul Samad (2002). *Sairu al-Salikin : Jalan Para Salik untuk mengabdikan diri kepada Tuhan Rabbul Alamin*. 381. Tahqiq Syed Ahmad Semait. Pustaka Nasional, Singapura.
- Al-Quṣairī, Imam Abdul Karim. (2011). *Risalah al-Quṣairiah*. Jakarta, Dar al-Kutub al-Islamiyah, Indonesia.
- Al-Sarraj, Abu Nashr. (2002). *al-Luma' Rujukan Lengkap Ilmu Tasawuf*. Surabaya, Jawa Timur, Risalah Gusti, Indonesia.
- Al-Sarraj, Muhammad Ishaq. (2004). *Hadith al-Sarraj*. Abu 'Abdullah Hussayn bin 'Aqashah bin Ramadan. Al-Faruq al-Hadithah li al-Tiba'ah wa al-Nasr, T.T.P.
- Al-Ṣaukānī, Imam Muhammad bin Ali (1988). *Tuhfah al-Zākirīn*. Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyah, Beirut, Lubnan.
- Al-Shuhrardī, Umar (2009). *'Awārif al-Ma'arīf*. Dar al-Mukatam, Kaheerah, Mesir.
- Al-Ṣībī, Muhammad. (1982). *Al-Masrā al-Rawī Fī Manāqib al-Sādah al-Kirām 'Aali Abi Alawī (t.c)*.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1993). *Al-Dua' li al-Tabrani*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut.
- Al-Tirmidhi, Muhammad. (1998). *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashrah 'Awad Ma'ruf. 1-6. Dar al-Girb al-Islami, Beirut.

- Al-Yaffe, Abdullah (2003). *Al-Irshad Wa al-Taṭrīz Fī Fadli Zikrullah Wa Tilāwah Kitāb al-‘Azīz*. Darul Kutub al-Ilmiyah, Beirut, Lubnan.
- Azra, Azyumardi (2008). *Ensiklopedi Tasawuf*. Penerbit Angkasa Bandung, Bandung, Indonesia.
- Bin Šheikh Abu Bakar, al-Ḥabīb Umar Hafidz (2014). *Taujihāt al-Nabiyah Li Marḍa al-Bariyah*. Dar al-Faqir, Tarim, Hadramaut, Yaman.
- Daud, Al-Imam Abu. (2001). *Aumul Ma‘bud šyārah sunan Abi Daud*. Darul Hadis, Kaherah, Mesir.
- Fauzi, Nurul Wahidah (2012). *Ulama Arab Hadrami Dalam Pentadbiran Dan Pendidikan Islam Di Johor: Analisis Terhadap Sumbangan Syed Abdul Qadir bin Muhsin al-Attas dan Syed Alwi bin Tahir al-Haddad*. Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Fauzi, Nurulwahidah, Ladjal, Tarek, Denisova, Tatiana A, Nor, Mohd Roslan Mohd, & Zin, Aizan Ali Mat. (2013). Tareqat Alawiyah as an Islamic Ritual Within Hadhrami’s Arab in Johor. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 14(12), 1708-1715.
- Ibn al-Sunni, Ahmad. (1987). *‘Amal al-Yawm wa al-Laylah Suluk al-Nabi ma‘a Rabbihi ‘Azz wa Jalla wa Mu‘asharatihi ma‘a al-‘Ibad*. Damsyiq: Dar al-Fayha’.
- Ibn Bushran, ‘Abd al-Malik Muhammad. (1997). *Amali Ibn Bushran*. Abu ‘Abd al-Rahman ‘Adil bin Yusuf al-‘Azazi. Dar al-Watan, Al-Riyad.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah* (Shu‘ayb Al-Arna‘ut, ‘Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali & ‘Abd al-Latif Hirzullah. 1-5. Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah, Beirut.
- Mamat, Akila (2010). *Amalan Ratib al-Haddad di Daerah Kuala Terengganu*. Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Mohamed, Abdul Qadir, & Ibrahim, Jaafar (2012). Amalan Ratib al-‘Atṭās di Brunei Darul Salam. In Mohd. Azman Mohsin (Ed.), *Doktor Falsafah*, 1-2. Fakulti Tamadun Islam, Skudai, Johor.
- Mohd. Noor, Sulaiman Sakib (2011). *Model Khidmat Nasihat Keluarga Islam Institusi Masjid*. Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Skudai, Johor
- Mokti, Kiyai Muhammad Muhtar. (2012). *Sejarah Penyusunan Doa Kautsaran*. Jombang, Jawa Timur, Al-Ikhwan 1, Indonesia.
- Muhammad, Yusuf. (2013). *Al-Mauṣū‘āt al-Yusūfiyah Fī Bayān Adilah al-Sūfiyah*. Maktabah Tarim al-Hadithiah, Tarim, Hadramaut, Yaman.
- Muslim, Abu al-Husayn. (2001). *Sahih Muslim*, 1-2. Al-Maktabah al-Asriyyah, Beirut.
- Muslim, Abu al-Husayn. (t.th.). *Sahih Muslim*, 1-8. Dar al-Fikr, Beirut.
- Napiah, Othman (2002). *Al-Rabitah Dalam Ilmu Tasawuf*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Syed Omar, Syed Hadzrulattfi. (2010). *Dhikr Ism al-Zat Dalam Tasawuf Dan Pengamalannya Dalam Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyyah Di Malaysia*. Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.